

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan satu SOP yang lengkap sebagai kesiapsiagaan Kerajaan dalam proses melangkah ke fasa endemik COVID-19 agar tiada berlaku kelompongan semasa pelaksanaan fasa tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia bakal memasuki fasa endemik, tetapi ini tidak bermakna virus COVID-19 akan hilang sepenuhnya. Jangkitan akan terus berlaku pada tahap yang boleh dikawal dan virus COVID-19 akan tetap ada bersama-sama kita dan mungkin juga akan menyebabkan berlakunya kluster atau wabak dari semasa ke semasa. Sebagai kesiapsiagaan Kerajaan dalam proses melangkah ke fasa endemik COVID-19 ini, beberapa tindakan telah dilakukan agar tidak berlaku kelompongan semasa pelaksanaan fasa tersebut iaitu:

- (i) meningkatkan kesiapsiagaan untuk menghadapi ancaman daripada kemunculan varian baharu dan peningkatan kes;

SOALAN NO : 5

- (ii) memastikan pencapaian liputan vaksinasi yang sewajarnya, termasuk dos tambahan/ penggalak kepada kumpulan sasar;
- (iii) meningkatkan penglibatan pelbagai pihak dan perkongsian maklumat yang lebih telus dengan masyarakat agar saranan serta informasi dari Kerajaan dapat diterima dan dilaksanakan; dan
- (iv) meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan agar komuniti kekal mengamalkan dan membudayakan norma baharu dalam kehidupan harian.

2. Kementerian Kesihatan juga telah mengeluarkan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan atau *National COVID-19 Testing Strategy* (NTS) sebagai suatu panduan kepada orang awam tentang keperluan melaksanakan ujian pengesanan COVID-19 berdasarkan penilaian risiko dan senario atau situasi yang dihadapi dalam kehidupan seharian.

3. Pada masa ini, walaupun kebanyakan negeri telah memasuki Pelan Pemulihan Negara Fasa 4, SOP bagi PPN tersebut masih berkuat kuasa. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa melakukan penilaian risiko bagi semua negeri berdasarkan indikator-indikator yang ditetapkan untuk mengenal pasti tahap penularan jangkitan COVID-19 dan kapasiti negeri untuk respon kepada situasi berkaitan. Fasa endemik ini ditentukan berdasarkan pencapaian nilai ambang yang ditetapkan dan disesuaikan dengan kapasiti respon (*acceptable number*) agar tidak menjadi masalah kepada kesihatan awam.

Sekian, terima kasih.